

# RELA korek tabung beli JERSEI

Siti Nor Hidayatidayu Razali  
sitinor@mediaprima.com.my

Memasuki rumah penggemar jersi membuat penulis terasa bagai berada di kedai menjual jersi apabila melihat lebih 200 helai koleksi memenuhi ruang beberapa almari di rumah berkenaan.

Pengumpul jersi, Muhammad Hendra Sharzizi Ramli, 30, sanggup menghabiskan ribuan ringgit semata-mata untuk memiliki jersi kesayangan sama ada di dalam mahupun luar negara.

Menurutnya, setiap bulan dia membeli beberapa helai jersi tanpa mengira harganya walaupun mencecah ribuan ringgit. Jika difikirkan memang tidak masuk akal untuk membelanjakan sebahagian besar gaji untuk sehelai jersi, namun ia disifatkan pelaburan yang berbaloi.

Minat mengumpul jersi wujud sejak lima tahun lalu ketika belajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila dia mula membeli beberapa helai jersi bola pasukan negeri dan kelab ternama dunia.

Ketika itu dia hanya mampu membeli jersi yang berharga beberapa ratus ringgit saja memandangkan komitmen sebagai pelajar memerlukan banyak wang untuk pembelajaran.

Demi mendapatkan jersi idaman, Muhammad Hendra sanggup berjimat cermat dan mengikat perut. Baginya setiap jersi ada keistimewaan tersendiri dan tidak hairanlah jika semuanya tersusun rapi dalam almari anak muda ini.

Selepas bekerja dia mula mengumpul jersi secara serius dan akan membeli sekurang-kurangnya sehelai jersi dari luar negara setiap bulan.

Katanya, dia minat mengumpul jersi kerana kain yang agak lembut dan sejuk sesuai dipakai dalam keadaan semua cuaca.

"Ketika bosan dan sunyi saya akan mengeluarkan jersi daripada almari dan menyusunnya kembali. Ia umpama terapi yang membuatkan hati tenang. Walaupun kedengaran pelik tetapi perkara itu membuatkan saya gembira.

"Jersi ini disimpan mengikut susunan kelab ternama di seluruh dunia," katanya sambil membelek beberapa helai jersi di dalam almari rumahnya.

Menurutnya, koleksi jersi paling mahal dimilikinya berharga RM1,300 sehelai yang dibeli secara dalam talian. Untuk memiliki jersi itu amat susah kerana dia perlu bersaing dengan pembeli luar negara yang sanggup membida dengan harga tinggi.


Harga mahal tidak menjadi penghalang untuk terus membeli jersi yang diminati kerana ia akan memberi kepuasan sekiranya memperoleh baju kegemaran.

Sehingga kini dia sudah membelanjakan lebih RM100,000 lebih untuk membeli jersi sama ada secara dalam talian atau meminta bantuan kawan-kawan khususnya jika mereka ke luar negara. Namun hatinya lebih puas jika membeli di kedai kerana boleh memilih rekaan kegemaran.

"Harga bagi rekaan jersi lama lebih mahal kerana mempunyai nilai tersendiri yang hanya diketahui oleh pencinta jersi. Rekaan terbaru lebih murah dan mudah didapati di butik dalam talian," katanya

*"Saya suka melihat pelbagai koleksi jersi kelab ternama dunia kerana rekaan unik dan berkualiti tinggi. Paling saya sayang ialah jersi rekaan tahun 70-an dan 80-an yang susah untuk mendapatkannya kerana ia edisi terhad. Untuk melihat ia ada dalam almari, saya sanggup membuat bidaan melalui lelongan di laman web luar negara"*

Muhammad Hendra Sharzizi



walaupun ada yang menawarkan harga tinggi. Ini kerana amat sukar untuk mendapatkannya. Saya hanya menjual jersi berkualiti tinggi yang mudah diperoleh di sekitar Kuala Lumpur dan butik dalam talian luar negara.

"Saya suka melihat pelbagai koleksi jersi kelab ternama dunia kerana rekaan unik dan berkualiti tinggi. Paling saya sayang ialah jersi rekaan tahun 70-an dan 80-an yang susah untuk mendapatkannya kerana ia edisi terhad. Untuk melihat ia ada dalam almari, saya sanggup membuat bidaan melalui lelongan di laman web luar negara," katanya.

Menurutnya, pada waktu lapang dia lebih gemar melayari laman web luar negara yang menjual jersi kerana jika bertuah akan mendapat helai jersi dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran.

Daripada pemerhatiannya, Muhammad Hendra berkata, peminat jersi kini menyukai rekaan tahun 70-an dan 80-an kerana lebih klasik. Harga baju bagi tahun itu juga lebih mahal.

"Saya hanya ada beberapa helai koleksi tahun 70-an dan 80-an dan bersyukur kerana berjaya mendapatkannya dengan harga RM1,000 ke atas. Memang ada yang berminat dengan jersi rekaan lama ini, tetapi saya tidak sanggup berpisah dengannya," katanya yang mengimpikan untuk memiliki lebih banyak jersi lama sebagai koleksi peribadi.

Antara koleksi kesayangan yang dimilikinya ialah jersi kelab bola Jepun, Amerika Syarikat, Brazil, Manchester United dan pelbagai lagi.

Menceritakan berkenaan koleksi kesayangan, katanya dia amat meminati baju yang dipakai David Beckham dan baju api kelab dari Jepun kerana mahal dan mempunyai nilai tersendiri.

Isterinya, Norhafizah Ali, 27, memahami minatnya itu dan menyokong penuh apabila turut menemaninya membeli baju jersi di kedai sekitar Kuala Lumpur.

Memang pada awalnya isteri marah dan beranggapan membeli jersi berharga ribuan ringgit sebagai satu pembaziran tetapi selepas mengetahui hobi suaminya itu boleh menjana pendapatan sampingan, dia mula faham dan memberi sokongan penuh.

yang mengakui akan rasa teruja apabila melihat jersi terbaru di pasaran.

"Selagi tidak beli, selagi itulah saya akan teringat-ingat. Saya akan segera pergi balik ke kedai berkenaan supaya corak jersi yang saya mahukan tidak kehabisan.

Muhammad Hendra berkata, ada kala dia mengalami kesempitan wang tetapi demi minat, dia sanggup mengeluarkan wang simpanan yang kemudiannya akan diganti semula secara berdiskon.

Selepas sekian lama mengumpul jersi, kini dia mula menjadikan hobi itu sebagai sumber pendapatan sampingan apabila menjualnya secara dalam talian selain berkongsi minat dengan penggemar jersi yang lain.

"Namun bukan semuanya saya jual. Saya ada koleksi kesayangan yang tidak akan dijual